



BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA

PANDUAN PERMOHONAN ORANG YANG BERKELAYAKAN (OYB)
JENTERA MENGANGKAT
2025

Tarikh Kemaskini:18 April 2025

KANDUNGAN

1.0 PENDAHULUAN	2
2.0 PUNCA KUASA	2
3.0 TAFSIRAN	3
4.0 SKOP	3
5.0 SYARAT PERMOHONAN	4
5.1 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN BAHARU SEBAGAI ORANG YANG BERKELAYAKAN (OYB) JENTERA MENGANGKAT	4
5.2 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN SEBAGAI ORANG YANG BERKELAYAKAN (OYB) JENTERA	4
5.3 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN PERTUKARAN ORANG KOMPETEN (SYARIKAT) ORANG YANG BERKELAYAKAN (OYB) JENTERA	5
5.4 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN PENAMBAHAN SKOP ORANG YANG BERKELAYAKAN (OYB) JENTERA	5
5.5 TANGGUNGJAWAB DAN TUGAS ORANG YANG BERKELAYAKAN (OYB) JENTERA MENGANGKAT	6
6.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN	6
6.1 Butiran Permohonan	6
7.0 DOKUMEN	9
7.1 Dokumen Permohonan	9
8.0 PEMAKLUMAN	10
9.0 FI	11
10.0 PIAGAM PELANGGAN	11

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1. Panduan ini disediakan untuk rujukan pelanggan semasa membuat permohonan pendaftaran baharu / permohonan pembaharuan / penambahan skop / pertukaran Orang Kompeten (Orang Kompeten (Syarikat)) bagi Orang Yang Berkelayakan (OYB) Jentera Mengangkat. Panduan ini bertujuan untuk memastikan pemohon mendapat panduan yang tepat dan jelas serta mengelakkan kekeliruan kepada pemohon berkenaan hal-hal berkaitan pendaftaran baharu / permohonan pembaharuan / penambahan skop / pertukaran Orang Kompeten (Orang Kompeten (Syarikat)) bagi Orang Yang Berkelayakan (OYB) Jentera Mengangkat. Semua permohonan perlu dibuat melalui sistem mySKUD. Kesemua kategori permohonan yang terlibat ialah pendaftaran baharu / permohonan pembaharuan / penambahan skop / pertukaran Orang Kompeten (Syarikat) bagi Orang Yang Berkelayakan (OYB) Jentera Mengangkat perlu lulus sesi temuduga sebelum didaftarkan sebagai Orang Yang Berkelayakan (OYB) Jentera Mengangkat. Jentera Mengangkat tersebut merujuk kepada Kren Menara, Pengangkat Penumpang, Kelengkapan Akses Gantung, Gantri Pelancaran dan Kren Dermaga. Panduan ini terbahagi kepada tiga (3) iaitu:
 - a. Panduan Permohonan Pendaftaran Baharu
 - b. Panduan Permohonan Penambahan Skop
 - c. Panduan Permohonan Pertukaran Orang Kompeten (Syarikat)
- 1.2. Panduan permohonan ini telah dikemaskini mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 dan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 (LYMPK 2024).

2.0 PUNCA KUASA

- 2.1. Seksyen 31B Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994) telah memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh memasang siap, memasang, mendirikan, membuka, menguji, memeriksa, menyenggara, membaiki atau menservis apa-apa loji atau kelengkapan kawalan kejuruteraan yang dinyatakan dalam Akta dan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 kecuali dia telah berdaftar sebagai Orang Kompeten di bawah Akta ini.
- 2.2. Peraturan 4(1)(g), Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 memperuntukkan bahawa jika loji yang menghendaki perakuan kelayakan itu merupakan dandang stim atau jentera mengangkat sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh, memastikan bahawa dandang stim atau jentera mengangkat itu dipasang oleh orang kompeten atau pengilang asalan.

- 2.3. Peraturan 10(1) juga memperuntukkan bahawa pemunya atau penghuni hendaklah memastikan hanya orang kompeten yang diberi kuasa untuk membuka dandang stim dan jentera mengangkat sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh.

3.0 TAFSIRAN

- 3.1. Orang Kompeten ertinya orang kompeten yang berdaftar di bawah Seksyen 31C AKKP 1994.
- 3.2. Orang Yang Berkelayakan (OYB) Jentera Mengangkat adalah Orang Kompeten (Individu) yang menjalankan aktiviti yang dinyatakan di dalam Perkara 2.1.
- 3.3. Jentera mengangkat ertinya apa-apa kelengkapan untuk mengangkat, menaikkan, mengangkat atau menurunkan beban.
- 3.4. Standard yang diiktiraf ertinya standard yang diiktiraf seperti di dalam Jadual Keempat, Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024.

4.0 SKOP

Skop Panduan permohonan Pendaftaran Orang Yang Berkelayakan Pembuka dan Pemasang Jentera Mengangkat adalah berdasarkan Jadual 1 di bawah:

KATEGORI JENTERA MENGANGKAT	JENIS JENTERA MENGANGKAT BAGI SKOP PEMBUKA DAN PEMASANG
Kren Menara	Kren Menara, Kren Pedestal, Derrick Crane
Kren Dermaga	Quayside Container Crane, Rail Mounted Quay Crane, Rubber Tired Gantry Crane (RTG) , Rail Mounted Gantry Crane (RMGC), Wharf Crane, Rail Portal Crane
Pengangkat Penumpang	Passenger Hoist, Mast Climbing Work Platform (MCWP), Vertical Lifting Platform (VLP)
Kelengkapan Akses Gantung	False Car, Temporary Suspended Platform, Building Maintenance Unit, Maintenance Cage
Gantri Pelancaran	Gantri Pelancaran

Jadual 1

5.0 SYARAT PERMOHONAN

Pemohon perlu memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan oleh Jabatan mengikut kategori permohonan iaitu Permohonan Baharu, Pembaharuan, Pertukaran Orang Kompeten (Syarikat) dan Penambahan Skop.

5.1 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN BAHRU SEBAGAI ORANG YANG BERKELAYAKAN (OYB) JENTERA MENGANGKAT

- a. Warganegara Malaysia; dan
- b. Disahkan sihat oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) yang berdaftar dengan Ketua Pengarah; dan
- c. Mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam bidang pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan jentera mengangkat dan.
- d. Mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia (SPMV) atau Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 yang diiktiraf oleh Jabatan / Kementerian yang berkaitan dan.
- e. Telah menghadiri kursus keselamatan bekerja di tempat tinggi (*working at heights*)
- f. Telah menghadiri kursus Pengurusan Risiko (Risk Management / HIRARC).
- g. Telah menghadiri kursus teknikal berkaitan pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan jentera mengangkat yang berkaitan di kilang prinsipal tersebut mengikut silibus pada **Lampiran 1b**. Pemohon perlu menyediakan laporan teknikal bergambar berdasarkan kandungan kursus tersebut.
- h. Tidak disabitkan :
 - i. Atas suatu kesalahan dibawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 atau mana-mana peraturan di bawahnya; atau
 - ii. Atau suatu kesalahan dan dihukum penjara melebihi satu tahun atau denda melebihi dua ribu ringgit.
- i. Telah memenuhi syarat-syarat lain yang dinyatakan di bawah Akta atau mana-mana peraturan di bawahnya;

5.2 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN SEBAGAI ORANG YANG BERKELAYAKAN (OYB) JENTERA MENGANGKAT

- a. Telah berdaftar sebagai Orang Yang Berkelayakan (OYB) Jentera Mengangkat; dan
- b. Disahkan sihat oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) yang berdaftar dengan Ketua Pengarah; dan
- c. Berkhidmat sebagai Orang Yang Berkelayakan (OYB) Jentera

- Mengangkat di syarikat yang telah berdaftar sebagai Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Jentera Mengangkat dengan Ketua Pengarah serta melampirkan dokumen pembaharuan **Lampiran 2e**, dan senarai jentera yang telah dibuat penelitian semasa kelulusan di Orang Kompeten (Syarikat) terdahulu. (rujuk pada Lampiran yang disediakan); dan
- d. Telah menjalankan sekurang - kurangnya **tiga puluh (30)** Penelitian Menyeluruh setahun bagi melayakkan pembaharuan sebagai Orang Yang Berkelayakan (OYB) Jentera Mengangkat
 - e. Menghadiri Program Pendidikan Berterusan dan Kursus Teknikal Khas seperti jadual di **Lampiran 5**.
 - f. Tidak disabitkan:
 - i. dengan kesalahan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya; atau
 - ii. dengan kesalahan dan dihukum penjara melebihi satu tahun atau denda melebihi dua ribu ringgit.
 - g. Telah memenuhi syarat – syarat lain yang dinyatakan dibawah Akta atau mana – mana peraturan dibawahnya.

5.3 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN PERTUKARAN SYARIKAT ORANG YANG BERKELAYAKAN (OYB) JENTERA MENGANGKAT

- a. Permohonan perlu dibuat selepas 1 bulan dari tarikh mula berkhidmat di Orang Kompeten (Syarikat) baharu dengan melampirkan dokumen-dokumen yang berikut;
- b. Melampirkan surat pengesahan kerja / surat tawaran kerja dari Orang Kompeten (Syarikat) baharu; dan
- c. Melampirkan surat / notis pemakluman pemberhentian perkhidmatan kepada Orang Kompeten (Syarikat) terdahulu; dan
- d. Melampirkan dokumen pertukaran Orang Kompeten (Syarikat) iaitu dokumen **Lampiran 2f**, dan juga senarai jentera yang telah diteliti semasa kelulusan di Orang Kompeten (Syarikat) terdahulu. (rujuk pada Lampiran yang disediakan); dan
- e. Disahkan sihat oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) yang berdaftar; dan
- f. Telah menghadiri kursus teknikal berkaitan pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan jentera mengangkat yang berkaitan di kilang prinsipal tersebut mengikut silibus pada **Lampiran 1b**. Pemohon perlu menyediakan laporan teknikal bergambar berdasarkan kandungan kursus tersebut.; dan
- g. Tidak disabitkan:
 - i. dengan kesalahan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya; atau
 - ii. dengan kesalahan dan dihukum penjara melebihi satu tahun atau denda melebihi dua ribu ringgit.

5.4 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN PENAMBAHAN SKOP ORANG YANG BERKELAYAKAN (OYB) JENTERA MENGANGKAT

- a. Telah berdaftar sebagai Orang Yang Berkelayakan (OYB) Jentera Mengangkat;
- b. Disahkan sihat oleh doktor kesihatan pekerjaan (OHD) yang berdaftar dengan Ketua Pengarah JKPP; dan
- c. Berkhidmat sebagai Orang Yang Berkelayakan (OYB) Jentera Mengangkat di Orang Kompeten (Syarikat) yang telah berdaftar dengan pihak Jabatan; dan
- d. Telah menghadiri kursus teknikal berkaitan pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan jentera mengangkat yang berkaitan di kilang prinsipal tersebut mengikut silibus pada **Lampiran 1b**. Pemohon perlu menyediakan laporan teknikal bergambar berdasarkan kandungan kursus tersebut; dan
- e. Tidak disabitkan dengan:
 - i. kesalahan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya; atau
 - ii. dengan kesalahan dan dihukum penjara melebihi satu tahun atau denda melebihi dua ribu ringgit.

5.5 TANGGUNGJAWAB DAN TUGAS ORANG YANG BERKELAYAKAN (OYB) JENTERA MENGANGKAT

- a. Orang Yang Berkelayakan (OYB) Jentera Mengangkat perlulah menjalankan kewajipan seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan (4), Peraturan- Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024;
- b. Orang Yang Berkelayakan (OYB) Jentera Mengangkat perlu menjalankan sekurang-kurangnya tiga puluh (30) laporan penelitian menyeluruh setiap tahun. Laporan penelitian menyeluruh tersebut perlu mengandungi maklumat sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat Belas Peraturan- Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024;
- c. Orang Yang Berkelayakan (OYB) Jentera Mengangkat perlulah menjalankan kewajipan seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan (6)(2)(h), Peraturan- Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024;
- d. Menghadiri bersama Pegawai atau Orang Berlesen semasa Pemeriksaan Berkala atau lain - lain pemeriksaan seperti yang tersebut di dalam Peraturan Peraturan (6), Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024;
- e. Orang Yang Berkelayakan (OYB) Jentera Mengangkat hendaklah memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja Orang Kompeten(Orang Kompeten (Syarikat)) yang didaftarkan serta orang lain semasa penelitian, ujian dan penyelenggaraan jentera mengangkat yang di bawah seliaannya;

- f. OYB Jentera Mengangkat di atas bertanggungjawab memastikan pemasangan jentera mengangkat mengikut verifikasi reka bentuk jentera mengangkat yang telah disemak oleh Jabatan;
- g. Memberitahu Ketua Pengarah tentang sebarang kemalangan atau kejadian yang melibatkan jentera mengangkat di bawah seliaannya;
- h. Menyediakan laporan teknikal kemalangan dan tindakan penambahbaikan.

6.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN

6.1 Butiran Permohonan

Bahagian A : Maklumat Permohonan

MAKLUMAT	PENERANGAN
Gambar Pemohon	Gambar pemohon yang terkini berukuran passport, berlatar belakang berwarna biru
Nama Pemohon	Nama penuh seperti di dalam kad pengenalan
No Kad Pengenalan	Seperti di dalam kad pengenalan
Alamat Surat Menyurat	Alamat surat menyurat pemohon yang terkini
Nombor Telefon	Nombor telefon peribadi calon dan masih aktif
Emel	Emel terkini calon dan masih aktif
Jantina	Seperti di dalam kad pengenalan
Bangsa	Nyatakan bangsa pemohon

Table 2

Bahagian B : Maklumat Skop Pendaftaran

MAKLUMAT	PENERANGAN
Kren Menara (Kren Menara, Kren Pedestal, Derrick Crane)	- Tanda pada bahagian yang hendak dimohon. - Skop tersebut mestilah sesuai dengan keupayaan Orang Kompeten (Syarikat) tersebut
Kren Dermaga (Quayside Container Crane, Rail Mounted Quay Crane, Rubber Tired Gantry Crane (RTG) , Rail Mounted Gantry Crane (RMGC), Wharf Crane, Rail Portal Crane)	- Tanda pada bahagian yang hendak dimohon. - Skop tersebut mestilah sesuai dengan keupayaan Orang Kompeten (Syarikat) tersebut

Pengangkat Penumpang (Passenger Hoist, Mast Climbing Work Platform (MCWP), Vertical Lifting Platform (VLP))	- Tanda pada bahagian yang hendak dimohon. Skop tersebut mestilah sesuai dengan keupayaan Orang Kompeten (Syarikat) tersebut
Kelengkapan Akses Gantung (False Car, Temporary Suspended Platform, Building Maintenance Unit, Maintenance Cage)	- Tanda pada bahagian yang hendak dimohon. - Skop tersebut mestilah sesuai dengan keupayaan Orang Kompeten (Syarikat) tersebut
Gantri Pelancaran	- Tanda pada bahagian yang hendak dimohon. - Skop tersebut mestilah sesuai dengan keupayaan Orang Kompeten (Syarikat) tersebut

Jadual 3

Bahagian C : Maklumat Tempat Kerja

MAKLUMAT	PENERANGAN
Nama Orang Kompeten (Syarikat/ Kilang)	Nama penuh Orang Kompeten (Syarikat)/ majikan seperti di SSM
No.Pendaftaran Kilang/Tempat Kerja	Nombor pendaftaran kilang/tempat kerja yang berdaftar dengan JKPP
Alamat Premis	Alamat penuh yang didaftarkan dengan JKPP
No. Telefon	Nombor telefon Orang Kompeten (Syarikat) yang terkini dan aktif
E-mel Orang Kompeten (Syarikat)	Emel Orang Kompeten (Syarikat) terkini dan aktif
Jawatan	Jawatan pemohon di Orang Kompeten (Syarikat)
Nama Pegawai Yang Boleh Dihubungi	Nama pegawai penyelia kepada pemohon di Orang Kompeten (Syarikat)
Email Pegawai Yang Boleh Dihubungi	Email pegawai penyelia kepada pemohon di Orang Kompeten (Syarikat)

Jadual 4

Bahagian D : Maklumat Pendidikan

MAKLUMAT	PENERANGAN
Nama Institusi	Nama Institusi Pendidikan
Taraf Pendidikan	Taraf pendidikan tertinggi sehingga peringkat Ijazah sahaja (Taraf yang tertinggi sahaja)
Bidang Pendidikan	Bidang pendidikan yang diambil (Bidang Kejuruteraan sahaja)
Tempoh Pendidikan	Tempoh belajar sehingga tamat
Kursus/Latihan Teknikal Yang dihadiri	Kursus / latihan teknikal berkenaan bidang tugas yang telah dihadiri pemohon dengan Orang Kompeten (Syarikat) prinsipal.

Jadual 5

Bahagian E : Pengalaman Bekerja

MAKLUMAT	PENERANGAN
Nama Orang Kompeten (Syarikat)	Nama Orang Kompeten (Syarikat) perlu dibuat carian di sistem
Bidang Bekerja	Skop kerja/tanggungjawab/peranan
Jawatan	Jawatan yang disandang
Tempoh Perkhidmatan	Tempoh bekerja di Orang Kompeten (Syarikat) terkini atau terdahulu

Jadual 6

7.0 DOKUMEN

7.1 Dokumen Permohonan

Dokumen permohonan berikut hendaklah dimuat naik untuk permohonan ini dan perlu disimpan di dalam format PDF. **Salinan dokumen bagi bilangan 1, 3, 5, 6, 7 dan 8 yang dilampirkan perlu mendapat pengesahan daripada Pesuruhjaya Sumpah atau Kakitangan Kerajaan Gred A.**

BUTIRAN	PENERANGAN
1. Imbasan Kad Pengenalan*	Imbasan kad pengenalan yang berwarna depan dan belakang perlu terang dan jelas. Perlu disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah atau Kakitangan Kerajaan Gred A
2. Perakuan Perubatan (terkini)*	Laporan pemeriksaan kesihatan daripada doktor kesihatan pekerjaan (OHD) yang diiktiraf. Perlu menggunakan borang pemeriksaan kesihatan seperti pada lampiran.
3. Sijil Hadir Kursus pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan jentera mengangkat di kilang Prinsipal/Pengilang asal*	Salinan sijil telah menghadiri kursus pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan Jentera Mengangkat di kilang Prinsipal/Pengilang asal Pastikan latihan yang dihadiri mengandungi maklumat dan silibus seperti disenaraikan dalam Lampiran 1b Pastikan latihan tersebut tidak melebihi tempoh 3 tahun semasa permohonan dihantar dari tarikh menghadiri kursus tersebut
4. Salinan Passport/Visa Pemohon	Salinan muka depan passport dan muka surat yang telah dicop oleh Imigresen Negara yang terlibat berkaitan kemasukan / keluar ke negara terlibat bagi pembuktian pemohon menjalani latihan di kilang pembuat syarikat prinsipal

5. Laporan Ringkas Bergambar berkaitan latihan pemohon yang dijalankan di kilang pembuat syarikat prinsipal*	Melampirkan laporan ringkas bergambar berkaitan latihan yang dihadiri di kilang pembuat syarikat prinsipal.
6. Surat pengesahan majikan*	Surat pengesahan majikan terkini dan terdahulu dengan menyatakan tempoh pengalaman atau tarikh mula terlibat dengan pemasangan, penyenggaraan, penelitian dan pembukaan jentera mengangkat seperti mana yang telah dinyatakan dalam skop permohonan.
7. Sijil Kelulusan Akademik*	Salinan sijil kelulusan akademik yang tertinggi (sekurang – kurangnya SPM) disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah atau Kakitangan Kerajaan Gred A.
8. Sijil Kursus Bekerja di Tempat Tinggi (<i>Working at Height</i>) *	Salinan menghadiri kursus bekerja di tempat tinggi (<i>Working at Height</i>) yang disahkan oleh Pesuruhjaya
9. Sijil Kursus HIRARC *	Salinan sijil menghadiri kursus HIRARC yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah atau Kakitangan Kerajaan Gred A.
10. Program dan Kursus Yang Berkaitan *	Pembaharuan - Perlu Menghadiri Program Pendidikan Berterusan dan Kursus Teknikal Khas seperti jadual di Lampiran 5 (Pastikan sijil tersebut tidak melebihi tempoh 3 tahun semasa permohonan dibuat)

Jadual 7

8.0 PEMAKLUMAN

- 8.1. Pihak Jabatan boleh menolak permohonan, menggantung dan membatalkan pendaftaran sebagai Orang Kompeten (Syarikat) jika didapati:
 - a. Tidak memenuhi mana-mana syarat-syarat kelayakan Pendaftaran Orang Yang Berkelayakan (OYB) Jentera Mengangkat; atau
 - b. Memalsukan dokumen dan maklumat permohonan; atau
 - c. Telah melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh JKPP seperti yang dinyatakan di dalam surat kelulusan atau syarat-syarat lain yang dikeluarkan oleh JKPP dari semasa ke semasa; atau
 - d. Telah memperoleh pendaftaran melalui salah nyataan atau fraud.

- 8.2. Bagi calon fraud, nama calon akan disenarai hitamkan dan tidak akan dibenarkan untuk memohon pendaftaran sebagai Orang Yang Berkelayakan (OYB) Jentera Mengangkat.

9.0 FI

Pembayaran fi pemprosesan dan pendaftaran perlu dikenakan bagi permohonan pendaftaran baharu Orang Yang Berkelayakan (OYB) Jentera Mengangkat. Manakala pembayaran fi pendaftaran sahaja perlu dikenakan bagi permohonan pembaharuan sebagai Orang Yang Berkelayakan (OYB) Jentera Mengangkat. Pembayaran fi adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Fi Bagi Pendaftaran Dan Pembaharuan Orang Kompeten Dan Penyedia Latihan Berdaftar) 2024.

Penambahan skop, permohonan pertukaran syarikat dan kemaskini maklumat tidak perlu pembayaran fi.

10.0 PIAGAM PELANGGAN

Piagam pelanggan bagi permohonan Pendaftaran / Penambahan skop / Pembaharuan / Pertukaran Orang Kompeten (Syarikat) Orang Yang Berkelayakan (OYB) Jentera Mengangkat adalah 30 hari.

Disediakan oleh:

**UNIT PENGIKTIRAFAN
SEKSYEN PENGIKTIRAFAN, PEPERIKSAAN & PERSIJILAN
BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA
18 APRIL 2025**

Appendix 2e

JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, MALAYSIA

Application for Renewal as Lifting Machinery Qualified Person

A. PARTICULARS OF APPLICANT

File No. :

Registration No. :

Expiry Date :

1. I..... N.R.I.C a qualified person employed by would like to apply for **renewal** of registration as a **Qualified Person (Lifting Machinery)**** for the next renewal.
2. Enclosed herewith please find document* to support my application for the purpose.

Date:
(Signature of Applicant)

B. MANAGING DIRECTOR OF COMPANY COMMENT

Mr. N.R.I.C who is registered as a **Qualified Person (Lifting Machinery) ****, has successfully fulfill duties as prescribed under Clause 3 of these guidelines.

I have no objection for the Department to renew his registration as a qualified person (Installation, dismantle, examination and/or maintenance) for the next renewal.

Date:
Managing Director

Document includes latest inspection report, medical examination report and any other document deems appropriate.

* Proof of minimum number of inspections per year

** Please delete those which is not applicable

Appendix 2f

JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, MALAYSIA

Application form of Transfer Competent Person for Lifting Machinery Qualified Person

A. PARTICULARS OF APPLICANT

File No. :

Registration No. :

Expiry Date :

1. I..... N.R.I.C a lifting machinery qualified person employed by would like to apply for **transfer competent person for Lifting Machinery Qualified Person**.
2. Enclosed herewith please find document* to support my application for the purpose.

Date:
(Signature of Applicant)

B. MANAGING DIRECTOR OF COMPANY COMMENT

Mr. N.R.I.C who is registered as a **Lifting Machinery Qualified Person**, has successfully fulfill duties as prescribed under Clause 3 of these guidelines.

I have no objection for the Department to process application as a qualified person (design and/or construction, installation tests and/or maintenance) for the next renewal.

Date:
Managing Director

Document includes latest inspection report, medical examination report and any other document deems appropriate.

* Proof of minimum number of inspections per year

** Please delete those which is not applicable

Lampiran 1b

SUKATAN DAN SILIBUS BAGI LATIHAN YANG DIJALANKAN DI SYARIKAT PRINSIPAL (Permohonan OYB Jentera Mengangkat)

Date	Contents	Location	Contact Hour
Day 1	<ul style="list-style-type: none"> ● Introduction to hoisting machine product produced by Principal/Manufacturer ● Introduction to hoisting machine design & understanding technical specification in the MDR (including functioning of safety component/features) ● Understanding load chart ● Introduction to rigging & slinging ● Familiarization & practical on installation, shifting, maintenance, testing & commissioning. 		8 hours
Day 2	<ul style="list-style-type: none"> ● Introduction to safety features for hoisting machine product installed by Principle/Manufacturer. ● Practical training on the knots & tie used during installation and shifting (for Suspended Access Platform) ● Wire rope requirement and specification (defects, acceptance criteria and sling & rigging tools) 		8 hours
Day 3	<ul style="list-style-type: none"> ● Related design code requirement for hoisting machine product ● Understanding the selection type of foundation 		8 hours
Day 4	<ul style="list-style-type: none"> ● Factory section visit <ul style="list-style-type: none"> ● Product & sample ● Warehouse system 		8 hours

JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA
PENDAFTARAN ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB (OYB) JENTERA MENGANGKAT

LAMPIRAN 4

PEMERIKSAAN KESIHATAN
(UNTUK DIPENUH OLEH PENGAMAL PERUBATAN)

BAHAGIAN I

No. Pendaftaran pemohonan di klinik: Tarikh pendaftaran:

Keadaan Umum:

Berat: kg. Ketinggian: sm

Pemeriksaan air kencing untuk albumin dan gula (Jika positif siasat selanjutnya).

Tekanan darah: Sistolik: Diastolik:

Kajituan penglihatan mengikut Carta Snellen (dalam meter)

Tanpa kacamata min. 6/60 Kanan: Kiri:

Dengan kacamata min. 6/12 Kanan: Kiri:

JAWAPAN

Sila tandakan X dalam ruang yang bersesuaian 'Ya' atau 'Tidak'

Bil.	Perihal	Ya	Tidak	Catatan
1.	Ada kecacatan dalam penglihatan warna (carta istihara)			
2.	Ada kecacatan dalam penglihatan lapangan (field vision)			
3.	Ada bukti kecacatan sistem saraf			
4.	Ada bukti-buktii penyakit psikiatrik (psychiatric)			
5.	Adakah pemohon menunjukkan tanda-tanda peminuman arak dan penyalahgunaan dadah			
6.	Ada ketidaksempurnaan dari/atau kecacatan fizikal			
7.	Ada bukti kelainan sistem kardiovaskular			
8.	Adakah pemohon mempunyai tekanan darah tinggi yang tidak terkawal			
9.	Adakah pemohon mengidap penyakit kencing manis yang tidak dikawal dengan sempurna			
10.	Ada kecacatan pendengaran			
11.	Ada bukti kelainan sistem respiration			
12.	Siasatan lanjut yang dijalankan dan keputusannya: a. b. c.			
13.	Pandangan-pandangan lain oleh pengamal perubatan			

Catatan: Kelewatan boleh berlaku kerana diperlukan siasatan lanjut.

BAHAGIAN II

Sila jawab soalan-soalan berikut berhubung dengan sejarah kesihatan anda. Tandakan X dalam kotak ruangan yang sesuai 'Ya' atau 'Tidak'. Jika 'Ya' jelaskan dalam ruang catatan.

Adakah anda mempunyai sejarah atau sedang mengalami penyakit berikut:

Bil	Perihal	Ya	Tidak	Catatan
1.	Masalah			
	- katarak			
	-Pandangan monocular			
	-Lain-lain yang menyebabkan halangan pandangan			
2.	Tidak dapat mengenalpasti warna-warna asas (primer) [merah, hijau,kuning (amber)]			
3.	Sukar melihat dalam gelap			
4.	Apa-apa jenis sawan atau kekelangan			
5.	Kecederaan berat di kepala			

Bil	Perihal	Ya	Tidak	Catatan
6.	Serangan pening atau pening			
7.	Sakit kepala yang berat atau 'migrane'			
8.	Pembedahan otak yang 'major'			
9.	'Stroke' (dengan kecacatan 'residual')			
10.	kencing manis dalam rawatan insulin			
11.	Penyakit mental			
12.	Penyalahgunaan arak dalam masa 5 tahun yang lalu			
13.	Penyalahgunaan dadah dalam masa 5 tahun yang lalu			
14.	Kecacatan tulang belakang			
15.	Ketidaksempurnaan atau kecacatan anggota			
	- pergerajian sendi yang terhad			
	- kecacatan anggota yang berat			
	- 'amputation' yang berat			
16.	Penyakit jantung/tekanan darah tinggi/cacaran jantung			
17.	Sesak nafas/muntah darah/batuk kronik			
18.	Pekak			
	- Pekak tuli			
19.	Penyakit puan pinggang yang kronik			
20.	Apa-apa rawatan yang berulang			
21	Apa-apa penyakit atau kesederaan yang tidak dinyatakan di atas			

Saya dengan ini mengisyiharkan bahawa saya telah dengan teliti mengambil kira kenyataan yang dibuat di atas dan saya percaya ianya lengkap dan tepat. Saya seterusnya mengisyiharkan bahawa saya tidak menyembunyikan apa-apa maklumat atau membuat apa-apa kenyataan palsu. Saya memberi izin kepada pengamal perubatan yang memeriksa untuk berkomunikasi dengan mana-mana pengamal perubatan yang memeriksa saya dan JKPP, dalam hal-hal yang boleh memberikan kesan ke atas kesesuaian menjalankan tugas Orang Yang Bertanggungjawab dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan permohonan saya sebagai Orang Yang Berkelayakan (OYB) Jentera Mengangkat.

Tandatangan pemohon: Tarikh diperiksa:

Nama (dalam huruf besar): No. Kad Pengenalan:

Disaksikan oleh (Dr): Tempat diperiksa:

Cop nama dan jawatan: Tarikh: Masa:

* Keadaan berikut adalah diambil kira sebagai sepenuhnya tidak layak sebagai Orang Yang Bertanggungjawab.

BAHAGIAN III

KEPUTUSAN PEMERIKSAAN KESIHATAN

Saya sahkan bahawa saya pada hari ini telah memeriksa pemohon

No. Kad Pengenalan Jawapan kepada soalan-soalan di atas adalah benar setakat yang saya ketahui dan percaya. Daripada pemerhatian dan pemeriksaan perubatan, saya dapat pemohon dari segi fizikal dan mental.

* LAYAK / TIDAK LAYAK SEMENTARA / TIDAK LAYAK

Bagi menjalankan tugas sebagai Orang Yang Berkelayakan (OYB) Jentera Mengangkat.

Tandatangan pengamal perubatan:

Nama dan kelayakan pengamal perubatan: No. Pendaftaran MMC :

Alamat: No. Pendaftaran Klinik:

..... Laporan Sah Sehingga :

Tarikh: Bayaran Yang Dikenakan: No. Resit:

JADUAL PROGRAM BAGI PEMBAHARUAN ORANG YANG BERKELAYAKAN (OYB) JENTERA MENGANGKAT

BIL.	PROGRAM	JUMLAH	PENERANGAN	PENYEDIA PROGRAM
1.	Program Pendidikan Berterusan (CEP)	30 Mata	Mengikuti atau terlibat dengan apa-apa program dalam bidang KKP seperti di dalam Garis Panduan Sistem Mata Bagi Program Pendidikan Berterusan (CEP)	Seperti dinyatakan di dalam Panduan Bagi Permohonan Program Pendidikan Berterusan (CEP)
2.	Kursus Khas Teknikal	Dua (2) Kali Kursus	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengikuti mana-mana kursus teknikal berkaitan dengan bidang tugas sebagai Orang Yang Berkelayakan (OYB) Jentera Mengangkat. Kursus tersebut hendaklah merangkumi salah satu topik dalam ruang lingkup seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> a. Perundangan Dan Piawaian Jentera Mengangkat b. Kegagalan dan Pembaikan Jentera Mengangkat c. Operasi, Pemeriksaan dan Penyenggaraan Jentera Mengangkat d. Teknologi terkini berkaitan Jentera Mengangkat ii. Masa Bersemuka (<i>Contact Hours</i>) Kursus sekurang-kurangnya lapan (8) jam/hari iii. Mempunyai Sijil Kehadiran Kursus 	<ul style="list-style-type: none"> i) Penyedia Latihan Berdaftar dengan Jabatan; atau ii) Badan Bukan Kerajaan (NGO); atau iii) Institut Pengajian Tinggi Awam; atau iv) Institusi Latihan Awam (ILA); atau v) Agensi / institusi lain yang dibenarkan Jabatan.

Nota: Pemohon pembaharuan Orang Yang Berkelayakan (OYB) Jentera Mengangkat hendaklah melengkapkan keperluan ini dalam tempoh sah perakuan pendaftaran (3 tahun).